



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KOD KURSUS : DSM1053
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Berikan perbezaan antara orientasi dan latihan.

(4 markah)

b. Terangkan **tiga (3)** kebaikan latihan kepada pekerja.

(6 markah)

SOALAN 2

Terangkan **lima (5)** kesilapan yang sering dilakukan semasa penilaian prestasi dilakukan.

(10 markah)

SOALAN 3

a. Apakah perbezaan antara faedah dan ganjaran?

(2 markah)

b. Terangkan dengan ringkas **dua (2)** ganjaran kewangan dan **dua (2)** ganjaran bukan kewangan yang boleh diberikan kepada pekerja oleh pihak majikan.

(8 markah)

SOALAN 4

Kemalangan merupakan kejadian yang tidak dijangka yang dapat mengganggu perjalanan sesuatu aktiviti. Bincangkan **lima (5)** punca berlakunya kemalangan di tempat kerja.

(10 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Tujuan diwujudkan pengurusan sumber manusia adalah untuk memastikan individu yang diambil bekerja oleh organisasi dapat digunakan dengan lebih cekap dan berkesan dan mereka berupaya menyumbang kepada pencapaian matlamat organisasi.

a. Terangkan **empat (4)** kepentingan pengurusan sumber manusia.

(8 markah)

b. Bincangkan **empat (4)** isu yang sering berlaku di dalam pengurusan sumber manusia.

(12 markah)

SOALAN 2

Pada dasarnya, proses penilaian prestasi dilihat sebagai satu proses yang mudah apabila pengurus hanya perlu memerhati prestasi kerja pekerja-pekerja mereka dan memberi maklum balas terhadap prestasi tersebut dari semasa ke semasa. Hakikatnya, proses ini tidak semudah itu, pengurus serta pekerja sering berbalah pendapat tentang penilaian prestasi ini. Tambahan pula kini, tanggungjawab membuat penilaian prestasi bukan sahaja semata-mata terletak di bahu pengurus.

a. Berikan maksud sebenar penilaian prestasi dan huraikan **empat (4)** tujuan penilaian prestasi diadakan.

(10 markah)

b. Berikan **dua (2)** sumber penilaian prestasi dan bincangkan kebaikan dan keburukan bagi setiap satu sumber tersebut.

(10 markah)

SOALAN 3

Antara peranan Kementerian Sumber Manusia adalah membantu majikan dan pekerja yang memerlukan khidmat nasihat dan seterusnya mengambil langkah untuk memperbaiki perhubungan antara majikan dengan pekerja.

a. Terangkan apakah yang anda faham mengenai perhubungan perindustrian.

(2 markah)

b. Bincangkan **tiga (3)** tujuan pekerja menyertai kesatuan sekerja dan **tiga (3)** alasan mengapa pekerja enggan menyertai kesatuan sekerja.

(18 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

